

IMPAK KAUNSELING KELOMPOK BERSTRUKTUR REBT TERHADAP TINGKAH LAKU PONTENG KELAS PELAJAR-PELAJAR BERMASALAH DISIPLIN.

*Tan Hua Khim, Rusnani Abdul Kadir, Sidek Mohd Noah & Maznah Baba
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menguji impak kaunseling kelompok berstruktur REBT dalam menurunkan kes masalah disiplin ponteng kelas pelajar yang berisiko di empat buah sekolah harian biasa daerah Bera, Pahang. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian eksperimen ujian pra – ujian pasca dengan kumpulan kawalan. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan empat dan mereka ini diagihkan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen secara kaedah persampelan kombinasi rawak kelompok, prosedur pemadanan dan pengagihan rawak. Kumpulan eksperimen diberikan rawatan melalui proses kaunseling kelompok berstruktur REBT yang mengandungi empat peringkat sementara kumpulan kawalan tidak diberi sebarang rawatan. Sesi yang dijalankan mempunyai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi iaitu masing-masing .86 dan .83. Proses kaunseling ini melibatkan 10 sesi perjumpaan dan rawatan mengambil masa lebih kurang tiga bulan secara keseluruhan. Setelah sesi tamat, sampel kajian diperhatikan tingkah laku ponteng kelas mereka oleh pemerhati yang dilantik dan dilatih secara sulit tanpa pengetahuan warga sekolah. Pemerhatian ini dijalankan selama enam minggu waktu persekolahan. Data yang diperolehi dianalisis dan membuktikan bahawa kaunseling kelompok berstruktur REBT ini mencapai kejayaan. Analisis data menunjukkan 69% daripada sampel yang menerima rawatan telah berubah dan dalam tempoh pemerhatian tersebut mereka ini tidak mempunyai sebarang rekod tentang masalah disiplin ponteng kelas. Manakala bagi kumpulan kawalan pula, mereka hanya mencapai kejayaan secara semulajadi sebanyak 33% sahaja. Jika dibandingkan dengan kumpulan rawatan didapati ianya mengalami kejayaan yang lebih besar iaitu perbezaan sebanyak 36%. Ini jelas bahawa terdapat perbezaan yang signifikan jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan.

Latar belakang kajian

Ang (2007) menjelaskan di sekolah menengah, kes ponteng kelas menduduki tempat kedua selepas salah laku ponteng sekolah dan perkara ini tidak boleh dipandang ringan oleh pihak sekolah, mereka yang suka ponteng kelas akan hilang sifat bertanggungjawab, suka berbohong, berdolak-dalik dan menentang yang akhirnya menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran, terlibat dalam kegiatan negatif dan tercicir dari sekolah. Masalah ponteng kelas perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak sekolah terutamanya Lembaga Disiplin dan Unit Bimbingan dan Kaunseling. Menurut Ang (2007) kumpulan pelajar ponteng kelas ini akan tersisih daripada aliran perdana kerana mereka gagal mencapai matlamat dalam bentuk program pendidikan di negara kita.

Mohd Amin (2003) mendapati pelajar berisiko ini mahu masalah mereka diselesaikan melalui perkhidmatan kaunseling di sekolah. Mereka tidak mahu kekerasan dan rotan digunakan. Masalah disiplin di sekolah dilihat sebagai masalah yang sedang meningkat dan dikhuatiri tidak dapat ditangani nanti. Maka kita memerlukan satu cara yang sesuai dan berkesan untuk menghadapinya. Hukuman merotan akan menimbulkan masalah psikologi kepada pelajar terbabit dan dilihat sebagai tidak mencerminkan sikap penyayang. Remaja yang melalui perkembangan emosi yang normal jarang-jarang menunjukkan tingkah laku bermasalah yang tidak dapat diatasi. Untuk membantu mereka, penggerakan motivasi itu penting. Penggerakan motivasi untuk sedar dan memahami diri sendiri biasanya mengambil masa yang lama. Ia akan bermula jika remaja itu mula sedar yang mereka mengalami masalah dan mahu memperbetulkan diri sendiri, jika mereka tidak mempunyai sebarang kesedaran atau wawasan mereka tidak akan bekerjasama.

Enea dan Dafinoiu (2009) mendapati punca pelajar ponteng kelas ialah mereka tidak suka kepada guru tertentu, waktu pengajaran dan pembelajaran yang terlalu banyak, untuk mengelakkan daripada ujian dan penilaian, sekolah tidak mempunyai tempat untuk merokok, keluar kelas kerana ada ujian dan tidak siap kerja sekolah, mahu berehat, tidak mahu menulis, dan merasakan berada di dalam kelas amat membosankan. Melalui kajian eksperimentalnya, mereka dapati 61% berkurangan kejadian ponteng di kalangan peserta kumpulan rawatan, terdapat



perbezaan yang signifikan jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Pemerhatian juga mendapati bahawa tiada pengurangan di kalangan ahli kumpulan kawalan. Ini membuktikan bahawa Teknik Rangsangan Motivasi melalui sesi kaunseling berkesan mengurangkan kes ponteng kelas di sekolah.

Abdullah Sani Yahaya (2006) pula menjelaskan bahawa masalah ponteng kelas berlaku semenjak dahulu lagi, tetapi kini ia nampak lebih berani. Masalah ini bukan hanya melibatkan pelajar sekolah menengah sahaja tetapi pelajar-pelajar sekolah rendah dan bukanlah perkara yang boleh dipandang ringan. Salah satu sebabnya ialah masalah interaksi antara guru dengan pelajar. Ilmu yang disampaikan oleh guru bertentangan dengan minat pelajar pada masa itu dan mereka tidak mempunyai pergerakan tindakan untuk memahami ilmu yang disampaikan, sebaliknya mereka asyik memikirkan perkara-perkara lain yang mungkin bertentangan dengan peranan sebagai seorang pelajar. Kegagalan berinteraksi ini menyebabkan perasaan bosan yang seterusnya akan menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk ponteng kelas.

Walaubagaimanapun berkemungkinan masalah pelajar ini dapat dikurangkan jika mendapat bantuan melalui khidmat kaunseling kelompok berstruktur yang sistematik. Othman Mohamed (2000) menyatakan masalah sosial yang berlaku memerlukan saluran pertolongan secara kaunseling. Kaunseling kelompok boleh melatih pelajar-pelajar berdisiplin, bertanggungjawab, rasa dihormati, bercita-cita tinggi, sifat jaya diri dan mempunyai personaliti yang sihat, ini penting disemaikan kepada pelajar-pelajar sama ada peringkat sekolah rendah mahupun menengah (Mohd Saleh Lebar, 1999). Hayes (2001) juga menjelaskan kaunseling kelompok berkesan dilaksanakan di sekolah, melalui intervensi ini klien mempunyai peluang untuk memperkembangkan kemahiran bersosial mereka dikalangan ahli kelompok yang sebaya dan ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Penyataan Masalah

Di sekolah, ponteng kelas merupakan salah satu masalah disiplin yang tidak boleh dielakkan dan perbuatan ini boleh berjangkit kepada pelajar-pelajar lain jika tidak diambil tindakan yang berkesan oleh pihak sekolah (Ang, 2007). Pelajar yang biasanya ponteng kelas akan menyebabkan mereka gagal dalam peperiksaan (Abdullah Sani Yahaya, 2006) dan jika dibiarkan ia akan tersisir daripada aliran perdana kerana gagal mencapai matlamat dalam bentuk program pendidikan di negara kita (Ang, 2007). Bukan itu sahaja, mereka juga akan hilang sifat bertanggungjawab, suka berbohong, berdolak-dalik dan menentang yang akhirnya menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran, terlibat dalam kegiatan negatif dan terciri dari sekolah (Ang, 2007).

Tindakan yang biasa diambil oleh pihak Lembaga Disiplin sekolah dilihat kurang berkesan sehingga sekarang kerana menurut Mohd Amin H.A. Shariff (2003) pelajar berisiko ini mahu masalah mereka diselesaikan melalui perkhidmatan kaunseling di sekolah. Mereka tidak mahu kekerasan dan rotan digunakan. Bagi membantu pelajar-pelajar ini, penggunaan kaedah psikologi didapati lebih berkesan untuk membantu mereka mengubah tingkah laku yang tidak diterima oleh masyarakat sekolah seperti mana yang dibuktikan oleh Khalim Zainal (2004) melalui Program Sistem Penalti dan Tiwi Kamidin (2004) dengan kaedah mentor menteenya. Maka di sini jelas membuktikan bahawa guru kaunseling boleh memainkan peranan mereka dalam usaha untuk mengurangkan masalah disiplin ponteng kelas di sekolah melalui perkhidmatan kaunseling kelompok berstruktur. Myrick (2001) pula menjelaskan bahawa pelajar yang menerima sesi kaunseling kelompok yang mengandungi aktiviti yang berstruktur mendapat faedah yang signifikan dan memberi pandangan yang positif terhadap proses kelompok. Sehubungan dengan itu, satu sesi modul berkenaan kaunseling kelompok berstruktur REBT telah dibina oleh penyelidik untuk diuji sama ada ia berjaya mengurangkan kes ponteng kelas di kalangan klien sesi.

Persoalan kajian

Adakah terdapat perbezaan tingkah laku ponteng kelas antara kumpulan eksperimental dan kumpulan kawalan.



METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan Reka Bentuk Kajian Eksperimental Ujian-pra Ujian-pasca dengan Kumpulan Kawalan (Jadual 1).

Jadual 1: Reka Bentuk Kajian Eksperimental Ujian-pra Ujian-pasca dengan Kumpulan Kawalan

Pemilihan Subjek	Kelompok	Ujian Pra	Rawatan ke atas pembolehkan tidak bersandar	Ujian Pasca
R	E	C1	O	C2
R	K	C1	-	C2

Dalam Jadual 1, E ialah kelompok eksperimental dan K ialah kelompok kawalan. C1 adalah ujian pra (rekod disiplin sekolah) dan C2 adalah ujian pasca (pemerhatian tingkah laku ponteng kelas), manakala O ialah pemboleh ubah tidak bersandar yang merupakan sesi kaunseling kelompok berstruktur REBT. Kelompok eksperimental (E) akan menjalani rawatan iaitu sesi kaunseling kelompok berstruktur REBT (O), manakala kelompok kawalan (K) tidak diberi apa-apa rawatan sepanjang tempoh penyelidikan. Sebelum rawatan dijalankan dokumen Lembaga Disiplin dianggap sebagai ujian pra (C1), manakala selepas rawatan selesai ujian pasca (C2) yang merupakan pemerhatian akan dijalankan untuk menentukan keberkesanan rawatan. Sekiranya terdapat perbezaan ujian pasca antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimental, ini menunjukkan bahawa pengendalian rawatan memberi kesan terhadap sampel kajian (Zainal Badli bin Budiman, 2008).

Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah menengah harian biasa sekitar daerah Bera, Pahang.

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan secara kombinasi Persampelan Rawak Kelompok, teknik pepadanan dan pengagihan rawak. Seramai 60 sampel dipilih secara Persampelan Rawak Kelompok dan diagih kepada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan masing-masing 30 melalui teknik pepadanan dan pengagihan rawak. Kesemua mereka ini mempunyai rekod ponteng kelas di sekolah masing-masing.

Alat Ukuran Kajian

Rekod Anekdote Pemerhatian

Maklumat yang tinggi kesahihannya ialah maklumat yang didapati secara langsung dengan memerhati perkara-perkara yang dilakukan oleh sampel dalam keadaan sebenar (Abu Bakar Nordin, 1995). Pelajar biasanya sedar bahawa tingkah laku ponteng kelas itu menyalahi disiplin sekolah, tetapi tingkah laku yang sebenarnya berlaku mungkin berlawanan daripada kesedaran yang ada padanya, hanya dengan pemerhatian tingkah laku yang dibuat secara anekdot tingkah laku dapat menunjukkan kewibawaannya yang sebenar itu diketahui (Abu Bakar Nordin, 1995).

Ia merupakan sejenis dokumen utama dan merupakan laporan pemerhati sesuatu kejadian atau peristiwa yang biasanya dibuat dan direkod oleh individu yang dilantik dan dipercayai (Amla Salleh, Zuria Mahmud & Salleh Amat, 2009). Laporan ini mengandungi penerangan tentang tingkah laku seseorang yang diperhatikan. Penggunaan rekod anekdot ini dapat mengemukakan gambaran yang boleh dikatakan sah dan boleh dipercayai penggunaannya untuk menilai aspek tingkah laku dan penggunaan patut diperluaskan (Abu Bakar Nordin, 1995).



Penyelidik akan melantik dan melatih Pembimbing Rakan Sebaya atau Ketua Kelas secara sulit. Mereka ini akan membuat pemerhatian terhadap peserta-peserta kajian dan merekod ke dalam Borang Pemerhatian Tingkah Laku Ponteng Kelas ini sekiranya terdapat kes ponteng kelas dan serah kembali kepada penyelidik secepat mungkin tanpa disedari oleh peserta kajian. Catatan serta merta adalah penting dari segi kesahan dan kebolehpercayaan. Perkara yang diperhatikan berlaku sebenarnya menggambarkan keadaan subjek semasa dan jika ia direkod serta merta ia tidak diganggu oleh faktor-faktor lain seperti pengingatan pencatat, kemiripannya memberi interpretasi sendiri (Abu Bakar Nordin, 1995).

Analisis Data


Tingkah laku ponteng kelas dianalisis dengan merujuk kepada Rekod Anekdote Pemerhatian. Dokumen ini merupakan laporan pemerhati yang dibuat dan direkod oleh individu yang dilantik dan boleh dipercayai. Laporan ini mengandungi penerangan kekerapan tentang tingkah laku ponteng kelas yang dilakukan oleh sampel kajian selepas rawatan diberi.

Dapatan Kajian

Untuk melihat impak Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT terhadap tingkah laku ponteng kelas di kalangan sampel kajian, penyelidik telah melantik dan melatih sebanyak 18 orang pelajar sebagai pemerhati secara sukarela. Mereka ini membantu penyelidik untuk memerhatikan tingkah laku ponteng kelas bagi setiap sampel kajian samada kumpulan kawalan mahupun kumpulan rawatan dengan mengisi Borang Pemerhatian Tingkah Laku Ponteng Kelas yang telah disediakan oleh penyelidik. Kerja-kerja pemerhatian ini dilakukan secara rahsia tanpa pengetahuan warga sekolah termasuklah sampel kajian. Tempoh pemerhatian ini dijalankan selama enam minggu hari persekolahan bermula 14 Januari 2013 sehingga 1 Mac 2013.

Didapati bahawa terdapat 20 orang sampel daripada kumpulan rawatan (n:30) telah berubah tingkah laku mereka, dimana sepanjang pemerhatian ini tidak berlaku walaupun sekali kes ponteng kelas di kalangan mereka. Berdasarkan laporan pemerhati ini dapat disimpulkan bahawa program ini telah mengalami kejayaan sebanyak 69%, iaitu 69% daripada mereka dilaporkan telah berubah. Manakala bagi kumpulan kawalan (n:30) pula hanya 10 orang sampel sahaja yang berubah secara semulajadi dimana dalam tempoh pemerhatian ini mereka hanya mencapai kejayaan sebanyak 33% sahaja. Jumlah yang lebih sedikit jika dibandingkan dengan kumpulan rawatan seperti Rajah 1.

Peratus Kejayaan



Rajah 1 : Perbandingan Peratusan Kejayaan Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

Hasil kajian menunjukkan bahawa Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT terhadap kumpulan rawatan mengalami kejayaan besar iaitu sebanyak 69 peratus jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan yang hanya berjaya secara semulajadi sebanyak 33 peratus sahaja. Ia memberi kesan kepada peningkatkan pelajar tidak ponteng kelas. Dapatan ini juga membuktikan terdapat perbezaan tingkah laku ponteng kelas antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan apabila tamatnya proses rawatan.

Perbincangan Impak Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT Ke Atas Tingkah Laku Ponteng Kelas

Masalah disiplin ponteng kelas merupakan satu masalah yang serius di sekolah kajian kerana sebahagian pelajar yang berisiko biasanya terlibat dengan tingkah laku ponteng kelas. Pandangan ini adalah selari dengan pendapat Ang (2007) yang mendapati masalah ponteng kelas adalah masalah kedua serius selepas masalah ponteng sekolah. Semasa eksperimental berjalan, seramai 30 orang pelajar yang bermasalah tingkah laku ponteng kelas menerima proses rawatan pemulihan yang berbentuk kaunseling kelompok berstruktur dengan berpandukan Modul Kaunseling Kelompok Berstruktur REBT. Apabila proses eksperimental selesai dan disusuli proses pemerhatian selama enam minggu hari persekolahan didapati rawatan ini mencapai kejayaan yang menggalakkan iaitu sebanyak 69 %. Kejayaan kajian ini adalah selari dengan kejayaan kajian lepas yang dijalankan oleh Enea dan Dafinoiu (2009) dimana analisis data kajian mereka juga menunjukkan 61% berkurangan kejadian ponteng di kalangan peserta kumpulan rawatan mereka.

Hasil pemerhatian oleh pemerhati yang dilantik juga mendapati masih ada segelintir kumpulan rawatan yang masih ponteng kelas walaupun rawatan telah diberikan kepada mereka. Adalah sukar supaya kesemua ahli kelompok berjaya berubah tingkah laku mereka kerana setiap manusia itu unit. Dapat kajian ini juga mempunyai persamaan dengan kajian Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) dimana kajian mereka hanya mencapai kejayaan 80%. Individu yang masih tidak berubah walaupun menghadiri sesi kaunseling kelompok ini adalah individu yang memerlukan perhatian yang istimewa dan adalah dicadangkan supaya mereka ini diadakan lagi sesi kaunseling individu dalam usaha membantu mereka. Ini dibukti berkesan oleh kajian Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) dimana akhirnya mereka juga berjaya membantu dua lagi kliennya yang pada mulanya gagal melalui kelompok dengan mengadakan proses pertolongan secara individu.

Hasil kajian juga mendapati bahawa penggunaan kaedah psikologi untuk menyelesaikan masalah disiplin sekolah adalah berkesan untuk mengubah tingkah laku yang tidak diterima oleh masyarakat sekolah. Dapatan ini telah meneguhkan lagi kajian lepas yang dikendalikan oleh Khalim Zainal (2004) dan Tiwi Kamidin (2004), dimana masing-masing mendapati bahawa Program Sistem Penalti dan Pendekatan Sistem Mentor Mentee adalah cara yang berkesan untuk menangani tingkah laku bermasalah di sekolah. Selain daripada itu, kejayaan rawatan dalam mengubah tingkah laku ponteng kelas adalah disebabkan prosesnya itu sendiri. Di sepanjang sesi rawatan berlangsung, ahli-ahli kelompok ini tidak putus-putus diberi bimbingan, galakan dan sokongan daripada kaunselor, mahupun ahli-ahli kelompok. Pengalaman melalui proses bimbingan, sokongan dan galakan yang tersusun, maka kesedaran untuk berubah itu muncul dalam diri kalangan mereka. Pelajar tidak suka masalah mereka diselesaikan melalui kekerasan seperti hukuman merotan (Amin H.A.Shariff, 2003).

Dapatan ini juga disokong oleh penulisan Abdullah Sani Yahaya (2006) iaitu anak-anak mudah belajar tingkah laku yang tidak baik adalah kerana mereka gagal mendapat bimbingan dan sokongan daripada orang yang signifikan dengan mereka. Melalui proses kaunseling kelompok berstruktur REBT juga, ahli kelompok boleh dibimbing dan diberi tunjuk ajar bagaimana untuk berhadapan dengan masalah bagi menyelesaikannya (Ellis & Wilde, 2002). Ini diperkuatkan lagi oleh Myrick (2001) yang menjelaskan bahawa kaunseling kelompok di sekolah digemari oleh ramai pelajar dan mereka dapat menikmati sokongan ahli kelompok tanpa syarat dan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.



Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini merupakan satu sumbangan kepada guru-guru kaunseling di sekolah kerana ia boleh dijadikan satu panduan untuk mereka membantu sekolah bagi menanggapi masalah disiplin ponteng kelas. Kajian ini juga menunjukkan kaunseling kelompok berstruktur REBT sesuai digunakan dalam konteks sekolah menengah harian biasa. Ini bermakna ia boleh digunakan oleh guru kaunseling sebagai salah satu alternatif intervensi terhadap pelajar yang melakukan masalah tingkah laku di sekolah.

Rujukan

- Abdullah Sani Yahaya (2006). *Mengurus disiplin pelajar*. Batu Caves: PTS Professional.
- Abu Bakar Nordin (1995). *Penilaian afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Ang, J.E. (2007). *Pengurusan disiplin murid*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Amla Salleh, Zuria Mahmud & Salleh Amat (2009). *Bimbingan dan kaunseling sekolah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Enea, V. & Dafinoiu, I. (2009). Motivational / solution-focused intervention for reducing school truancy among adolescents. *Journal of Cognitive and Behavioral Psychotherapies*. 9(2), 185-198.
- Ellis, A. & Wilde, J. (2002). *Case studies in rational emotive behaviour therapy with children and adolescents*. Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Hayes, G. (2001). Group counselling in school: effective or not?. *International Journal of Sociology and Social Policy*. Vol. 21, 3, 12-21.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2)2009, 1-14.
- Khalim Zainal (2004). *Perbandingan sistem penalty dan konvensional dalam pengurusan disiplin pelajar sekolah menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Amin H.A. Shariff (2003). *Perkembangan remaja: pandangan, pemahaman dan interpretasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saleh Lebar (1999). *Memahami psikologi*. Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.
- Myrick, R.D. (2001). *Bimbingan dan kaunseling perkembangan: pendekatan yang praktis* (Diterjemahkan oleh Zuraidah Abdul Rahman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohamed (2001). *Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tiwi Kamidin (2004). Pendekatan sistem mentor dalam pengurusan tingkah laku bermasalah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*. Jilid 5, 55-64.
- Zainal Badli bin Budiman (2008). *Pembinaan modul pengurusan konflik kognitif dan keberkesannya terhadap perkembangan kognitif dan pencapaian sains*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

